

SEJARAH TINGKATAN 5



GEMPUR SPM 2021 TAJUK-TAJUK PENTING TINGKATAN 5



**CIKGU:
ROSLE BIN YASIN**



BAB 1 :

KEDAULATAN NEGARA

1. Konsep kedaulatan. ✓
2. Ciri negara yang berdaulat. ✓
3. Kepentingan mewujudkan negara berdaulat ✓
4. Langkah mempertahankan kedaulatan ✓

1. Kedaulatan merupakan satu konsep berkaitan dengan kenegaraan yang diasaskan dan diamalkan sejak zaman tamadun Yunani. **m/s 4**

a. Nyatakan takrif kedaulatan.

F1 Kekuasaan tertinggi

F2 Kewibawaan sesebuah negara yang bebas

F3 Mempunyai hak untuk melaksanakan pemerintahan dan pentadbiran negara

Kedaulatan ditakrifkan sebagai **kekuasaan tertinggi** dan **kewibawaan sesebuah negara yang bebas**. Sebagai sebuah negara yang berdaulat, ia **mempunyai hak untuk melaksanakan pemerintahan dan pentadbiran negara**.

1. b. Apakah takrif kedaulatan dalam bahasa Arab?

m/s 4

F1	Berasal daripada kata daulah
H1a	Bermaksud kuasa pemerintahan sesebuah kerajaan.

2 markah

Kedaulatan dari sudut Bahasa Arab ia merujuk kepada perkataan ***daulah***. Daulah bermaksud **kekuasaan tertinggi terhadap pemerintahan negara**

1. b. Apakah takrif kedaulatan dalam Bahasa Yunani?

m/s 4

- | | |
|----|---|
| F1 | Kedaulatan ialah supernuus atau superanus |
| F2 | Bermaksud agung atau tertinggi |
| F3 | Merujuk negara yang bebas dan merdeka |

ah

Kedaulatan dari takrifan Bahasa Yunani ialah **supernuus** atau **superanus**. Ia bermaksud **agung atau tertinggi**. Selain itu, ia merujuk **negara yang bebas dan merdeka**

1. b. Apakah takrif kedaulatan dalam Bahasa Inggeris?

.....

F1 Kedaulatan ialah sovereignty

F2 Bermaksud negara mempunyai kuasa penuh terhadap pemerintahan

Kedaulatan dalam Bahasa Inggeris ialah sovereignty. Ia bermaksud negara mempunyai kuasa penuh terhadap pemerintahan

c. Pada pendapat anda, mengapakah kedaulatan negara kita perlu dipertahankan?

Soalan Kbat

- F1 Mewujudkan kestabilan politik
 - F2 Membolehkan ekonomi negara berkembang pesat
 - F3 Mengekalkan perpaduan dalam kalangan rakyat yang berbilang kaum
 - F4 Rakyat dapat hidup dalam suasana aman dan harmoni
 - F5 Dapat meningkatkan imej negara diperingkat antabangsa
- Mana-mana jawapan yang munasabah

SOALAN TAMBAHAN

d. Senaraikan tiga jenis kedaulatan yang diamalkan oleh sesebuah negara

i

- | | |
|-----------|---------------------------------|
| F1 | kedaulatan tradisional |
| F2 | kedaulatan moden |
| F3 | kedaulatan undang-undang |
| F4 | kedaulatan antarabangsa |

3 markah

e. Pada pendapat anda, mengapakah konsep kedaulatan penting kepada sesebuah negara? 4 markah

F1	Negara yang berdaulat mempunyai kekuasaan penuh
H1a	Untuk mengatur segala hal yang ada dalam wilayah
H1b	Tanpa campur tangan kuasa asing.
F2	Cabaran bagi mempertahankan negara
H2a	Menggunakan kebijaksanaan bagi menghadapi cabaran
H2b	Bagi mengekalkan kedaulatan negara kita

Konsep kedaulatan penting kepada sesebuah negara kerana negara yang berdaulat **mempunyai kekuasaan penuh**. Negara yang berdaulat **bebas untuk mengatur segala hal** yang ada dalam wilayahnya **tanpa campur tangan kuasa asing**.

Selain itu, kedaulatan penting kepada sesebuah negara kerana ia merupakan **cabaran bagi mempertahankan negara**. Dengan adanya kedaulatan pemimpin **sesebuah negara boleh menggunakan kebijaksanaan bagi menghadapi cabaran** dari luar terutama sekali **bagi mengekalkan kedaulatan negara kita**

f. Pada pendapat anda, mengapakah kedaulatan negara kita perlu dipertahankan? 4 markah

Pada pendapat saya, kedaulatan negara kita perlu dipertahankan bagi **mewujudkan kestabilan politik**. Apabila kestabilan politik wujud **memudahkan usaha-usaha untuk pembangunan negara**.

Selain itu, kedaulatan negara kita perlu dipertahankan bagi **membolehkan ekonomi negara berkembang pesat**. Secara tidak langsung **rakyat akan dapat menikmati hasil kemajuan negara**.

Seterusnya, kedaulatan negara kita perlu dipertahankan bagi mengekalkan **perpaduan dalam kalangan rakyat yang berbilang kaum**. Kesimpulan yang dapat diambil ialah sekiranya kedaulatan tidak dipertahankan ia boleh mengganggu gugat perpaduan kaum dan meruntuhkan keharmonian hidup bermasyarakat di negara kita seterusnya akan menyukarkan usaha membina negara yang makmur.

2. Setiap negara yang bebas dan merdeka mempunyai ciri tertentu bagi menentukan kedaulatannya.

a. Senaraikan ciri negara yang berdaulat

- | | | | |
|------|-----------|-------------------------------|-------|
| i. | F1 | Mempunyai pemerintahan | |
| ii. | F2 | Mempunyai sempadan | |
| | F3 | Mempunyai perundangan | |
| iii. | F4 | Mempunyai rakyat | |

3 markah

2. b. Nyatakan peranan pemerintah dalam sebuah negara yang berdaulat

F1 menjaga kestabilan politik

m/s 8

F2 menjaga keamanan

F3 menjaga pertahanan

F4 menjaga ekonomi

Peranan pemerintah dalam sebuah negara yang berdaulat ialah menjaga kestabilan politik kerana kestabilan politik memainkan peranan penting dalam perkembangan ekonomi sesebuah negara.

Selain itu, peranan pemerintah dalam sebuah negara yang berdaulat ialah menjaga keamanan. Keamanan membolehkan kerajaan menumpukan kepada usaha pembangunan negara.

Seterusnya, peranan pemerintah dalam sebuah negara yang berdaulat ialah menjaga pertahanan daripada pencerobohan kuasa asing. Oleh itu, menjadi tanggungjawab kerajaan melengkapkan asset bagi mempertahankan keselamatan negara.

Akhirnya, peranan pemerintah dalam sebuah negara yang berdaulat menjaga ekonomi negara supaya berkembang dengan pesat dan dinikmati oleh semua rakyat tanpa mengira latar belakang keturunan

2. c. Jelaskan peranan anda sebagai generasi muda hari ini dalam mengekalkan kedaulatan dan kemerdekaan tanah air kita daripada diganggu gugat oleh kuasa asing

Kbat

- F1 Semangat cinta akan negara
 - F2 Mengeratkan perpaduan kaum
 - F3 Tidak bekerjasama dengan kuasa asing
 - F4 Menguasai pelbagai ilmu pengetahuan
 - F5 Memperkukuhkan pertahanan negara
- Mana-mana jawapan yang munasabah

4 markah

SOALAN TAMBAHAN

Jelaskan peranan anda sebagai generasi muda hari ini dalam mengekalkan kedaulatan dan kemerdekaan tanah air kita daripada diganggu gugat oleh kuasa asing

Sebagai generasi muda hari ini, peranan saya dalam mengekalkan kedaulatan dan kemerdekaan tanah air ialah mengukuhkan semangat cinta akan negara dalam diri saya. Dengan ini, saya akan rela mempertahankan negara daripada ancaman kuasa asing.

Selain itu, saya harus mengutamakan perpaduan kaum dalam hidupan saya. Contohnya melalui kerjasama kaum, Parti Perikatan telah memenangi Pilihan Raya 1955. Ini membuktikan bahawa perpaduan kaum amat penting dalam mengekalkan kemerdekaan dan kedaulatan tanah air.

Seterusnya, saya tidak bekerjasama dengan kuasa asing jikalau kuasa asing tersebut hendak menguasai negara kita. Melalui pengetahuan sejarah, kita telah belajar bahawa kerjasama dengan kuasa asing akan mengugat kedaulatan negara sepertimana kerjasama segelintir pembesar Melaka dengan pihak Portugis telah menyebabkan Portugis menguasai Melaka. Oleh itu, saya juga haruslah memelihara jati diri saya supaya tidak senang dipengaruhi kuasa asing.

Seterusnya, saya juga patut menguasai ilmu pengetahuan dalam segala bidang kemahiran. Hal ini kerana dengan ini, kita akan menjadi orang yang berilmu dan membantu memaju dan membangunkan negara.

Akhir sekali, saya juga patut menyumbangkan usaha saya untuk mengukuhkan pasukan tentera. Pasukan tentera dan pertahanan yang kuat akan dapat menakutkan kuasa asing yang cuba mengugat atau menguasai negara kita.

Sebagai warganegara Malaysia yang patriotik, apakah tindakan yang boleh anda lakukan untuk menyumbang kepada kemakmuran ekonomi negara?

F1	Sentiasa menyokong barangan buatan Malaysia
H1a	Tidak berlaku pengaliran wang keluar negara
F2	Menguasai ilmu pengetahuan
H2a	supaya dapat membantu meningkatkan ekonomi negara
F3	Melaksanakan tanggungjawab membayar cukai
H3a	Sumber pembangunan negara
F4	Memastikan keamanan negara
H4a	Supaya ekonomi tidak terjejas

Sebagai warganegara **Malaysia** yang patriotik, apakah tindakan yang boleh anda lakukan untuk menyumbang kepada kemakmuran ekonomi negara? **Kbat**

Sebagai warganegara Malaysia yang patriotik, tindakan yang boleh anda lakukan untuk menyumbang kepada kemakmuran ekonomi negara ialah dengan sentiasa menyokong barangan buatan Malaysia. Ini boleh mengelakkan daripada berlaku pengaliran wang keluar negara di samping menambah pendapatan peniaga tempatan.

Selain itu, berusaha untuk menguasai ilmu pengetahuan. Dengan kemahiran ilmu pengetahuan akan dapat membantu negara menyelesaikan pelbagai permasalahan yang wujud dalam negara. Secara tidak langsung negara akan terus berkembang dengan pesat setanding dengan negara-negara maju yang lain di dunia.

Jelaskan ciri negara berdaulat

- F1 Mempunyai pemerintahan
- F2 Mempunyai sempadan
- F3 Mempunyai perundangan
- F4 Mempunyai rakyat

Ciri negara yang berdaulat ialah mempunyai pemerintahan. Pemerintahan negara berdaulat diwujudkan untuk menjaga kestabilan politik, keamanan, pertahanan dan ekonomi. Pemerintahan ini dijalankan secara teratur.

Selain itu, ciri negara yang berdaulat ialah mempunyai sempadan. Sempadan merupakan garis pemisah antara negeri atau negara. Malaysia merupakan negara yang berkongsi sempadan darat, air dan udara dengan negara jiran, iaitu Singapura, Thailand, Indonesia, Brunei dan Filipina

Seterusnya, ciri negara yang berdaulat ialah mempunyai perundangan. Sistem perundangan menjadi asas kepada peraturan negara. Sistem perundangan penting untuk memelihara kesejahteraan, menjamin keadilan dan melindungi rakyat.

Akhirnya, ciri negara yang berdaulat ialah mempunyai rakyat. Rakyat merupakan penduduk di sesebuah negara. Rakyat terikat kepada undang-undang dan peraturan yang dikuatkuasakan oleh pemerintah.

SEJARAH TINGKATAN 5




BAB 2: PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

GEMPUR SPM TAJUK-TAJUK PENTING TINGKATAN 5



**CIKGU:
ROSLE BIN YASIN**

BAB 2 : PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

1. Latar belakang sejarah Perlembagaan Persekutuan.
2. Sejarah penggubalan Perlembagaan Persekutuan.
3. Ciri utama Perlembagaan Persekutuan. 
4. Pindaan Perlembagaan Persekutuan 1963 dan 1965

1. Perlembagaan merupakan undang-undang tertinggi sebagai teras pemerintahan sesebuah negara.

a. Senaraikan undang-undang bertulis di negeri-negeri Melayu yang mewarisi undang-undang zaman Kesultanan Melayu Melaka.

i.

ii.

iii.

F1 Hukum Kanun Pahang

F2 Undang-Undang Kedah

F3 Undang-Undang Johor

F4 Undang-Undang 99 Perak

b. Senaraikan anggota Majlis Tertinggi Sarawak yang dipengerusikan oleh Gabenor British.

m/s 23

i.

ii.

iii.

3 markah

F1 Ketua Setiausaha

F2 Setiausaha Kewangan

F3 Peguam Negara

c. Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, mengapakah undang-undang penting dalam kehidupan masyarakat pada masa kini?

Kbat

F1 Mengawal tingkah laku

H1a Supaya tidak melakukan jenayah

C1a Seperti membunuh, merompak, mencuri

F2 Keamanan negara

H2a Setiap warganegara patuh kepada peraturan

F3 Melicinkan urusan pentadbiran negara

H3a Sebagai garis panduan urus tadbir negara

Mana-mana jawapan yang munasabah

c. Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, mengapakah undang-undang penting dalam kehidupan masyarakat pada masa kini?

Undang-undang penting dalam kehidupan masyarakat pada masa kini kerana ia dapat mengawal tingkah laku masyarakat. Melalui undang-undang ia dapat mencegah rakyat supaya tidak melakukan jenayah, contohnya seperti membunuh, merompak dan mencuri.

Selain itu, undang-undang penting dalam kehidupan masyarakat pada masa kini bagi memastikan wujud keamanan dalam negara. Apabila setiap warganegara patuh kepada peraturan yang telah ditetapkan, sudah pasti negara berada dalam suasana aman dan makmur. Implikasinya rakyat dapat menjalankan kehidupan dengan tenang dan sejahtera.

Selain itu, undang-undang penting dalam kehidupan masyarakat pada masa kini bagi melicinkan urusan pentadbiran negara. Perlembagaan sebagai undang-undang tertinggi menjadi garis panduan kepada urusan pentadbiran negara. Kesimpulannya, sistem perundangan yang efektif amat penting kepada sesebuah negara **bagi menjamin keadilan kepada semua dan dapat memastikan negara aman, stabil dan makmur**

2. Perlembagaan Persekutuan berasaskan nilai tradisi Kesultanan Melayu dan kemudiannya beberapa prinsip undang-undang Inggeris disesuaikan dengan nilai tempatan.

a. Nyatakan tentang undang-undang berikut:

i. Undang-undang Negeri Melayu

6 markah

b. Jelaskan tentang undang-undang Charter of Justice yang di perkenalkan di Negeri-negeri Selat.

6 markah

c. Undang-undang penting dalam pembinaan negara bangsa yang berdaulat. Jelaskan.

8 markah

2. Perlembagaan Persekutuan berasaskan nilai tradisi Kesultanan Melayu dan kemudiannya beberapa prinsip undang-undang Inggeris disesuaikan dengan nilai tempatan.

a. Nyatakan tentang undang-undang berikut:

i. Undang-undang Negeri Melayu

6 markah

b. Jelaskan tentang undang-undang Charter of Justice yang di perkenalkan di Negeri-negeri Selat.

6 markah

c. Undang-undang penting dalam pembinaan negara bangsa yang berdaulat. Jelaskan.

8 markah

- a. Nyatakan tentang undang-undang berikut:**
 - i. Undang-undang Negeri Melayu**

6 markah

- F1 Menjadi panduan serta kawalan kepada raja dan pembesar**
- F2 Dalam proses pemerintahan negara**
- F3 Raja sebagai pemerintah.**
- F4 Rakyat memberikan ketaatsetiaan.**
- F5 Sistem pemerintahan ditentukan oleh raja.**
- F6 Undang-undang wujud pada zaman Kesultanan Melayu Melaka seperti Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka**
- F7 Mempengaruhi kandungan undang-undang bertulis di negeri Melayu yang lain seperti Hukum Kanun Pahang, Undang-Undang Kedah, Undang-Undang Johor dan Undang-Undang 99 Perak.**

Sebelum kedatangan kuasa barat negara kita sudah mempunyai undang-undang yang menjadi panduan serta kawalan kepada raja dan pembesar dalam proses pemerintahan negara pada waktu itu.

Undang-undang Negeri Melayu menetapkan Raja sebagai pemerintah manakala rakyat memberikan ketaatsetiaan yang tidak berbelah bagi kepada raja.

Dalam undang-undang Negeri Melayu, sistem pemerintahan ditentukan oleh raja. Pada zaman Kesultanan Melayu Melaka, telah wujud undang-undang seperti Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka.

Undang-undang pada zaman Kesultanan Melayu Melaka, telah mempengaruhi kandungan undang-undang bertulis di negeri Melayu yang lain, seperti Hukum Kanun Pahang, Undang-Undang Kedah, Undang-Undang Johor dan Undang-Undang 99 Perak.

b. Jelaskan tentang undang-undang Charter of Justice yang di perkenalkan di Negeri-negeri Selat.

6 markah

F1 Merupakan undang-undang British selepas kemasukan British

H1a Diambil daripada undang-undang yang digubal di England

F2 Dikenali sebagai Charter of Justice.

H2a Matlamatnya adalah untuk melindungi penduduk asal daripada penindasan dan ketidakadilan.

F3 Charter of Justice I - 1807

H3a Mewujudkan mahkamah di Pulau Pinang.

F4 Charter of Justice II - 1826

H4a Menyatukan mahkamah di Singapura, Melaka dan Pulau Pinang.

F5 Charter of Justice III - 1855

H5a Mewujudkan Mahkamah di Singapura, Melaka dan Pulau Pinang.

- b. Jelaskan tentang undang-undang Charter of Justice yang di perkenalkan di Negeri-negeri Selat. 6 markah**

Undang-undang Charter of Justice merupakan undang-undang British selepas kemasukan British. Undang-undang ini diperkenalkan di Negeri-negeri Selat (NNS) diambil daripada undang-undang yang digubal di England.

Dikenali sebagai Charter of Justice. matlamatnya adalah untuk melindungi penduduk asal daripada penindasan dan ketidakadilan.

Pada tahun 1807, Charter of Justice I diperkenalkan bagi mewujudkan mahkamah di Pulau Pinang.

Pada tahun 1826, Charter of Justice II untuk menyatukan mahkamah di Singapura, Melaka dan Pulau Pinang.

Manakala pada tahun 1855 Charter of Justice III, British mewujudkan Mahkamah di Singapura dan Melaka, serta Pulau Pinang.

c. Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, mengapakah undang-undang penting dalam kehidupan masyarakat pada masa kini?

Kbat

F1 Mengawal tingkah laku

H1a Supaya tidak melakukan jenayah

C1a Seperti membunuh, merompak, mencuri

F2 Keamanan negara

H2a Setiap warganegara patuh kepada peraturan

F3 Melicinkan urusan pentadbiran negara

H3a Sebagai garis panduan urus tadbir negara

Mana-mana jawapan yang munasabah

c. Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, mengapakah undang-undang penting dalam kehidupan masyarakat pada masa kini?

Undang-undang penting dalam kehidupan masyarakat pada masa kini kerana ia dapat mengawal tingkah laku masyarakat. Melalui undang-undang ia dapat mencegah rakyat supaya tidak melakukan jenayah, contohnya seperti membunuh, merompak dan mencuri.

Selain itu, undang-undang penting dalam kehidupan masyarakat pada masa kini bagi memastikan wujud keamanan dalam negara. Apabila setiap warganegara patuh kepada peraturan yang telah ditetapkan, sudah pasti negara berada dalam suasana aman dan makmur. Implikasinya rakyat dapat menjalankan kehidupan dengan tenang dan sejahtera.

Selain itu, undang-undang penting dalam kehidupan masyarakat pada masa kini bagi melicinkan urusan pentadbiran negara. Perlembagaan sebagai undang-undang tertinggi menjadi garis panduan kepada urusan pentadbiran negara. Kesimpulannya, sistem perundangan yang efektif amat penting kepada sesebuah negara **bagi menjamin keadilan kepada semua dan dapat memastikan negara aman, stabil dan makmur**

SOALAN TAMBAHAN

Pada pendapat anda, apakah kebaikan sistem pemerintahan demokrasi yang diamalkan di negara kita?

F1 Menjamin kestabilan politik dan Pentadbiran negara

F2 Mengukuh perpaduan rakyat

F3 Rakyat terlibat dalam pembentukan kerajaan

F4 Hak semua kaum terjamin

F5 Memajukan ekonomi negara

F6 Rakyat berhak memilih pemimpin

F7 Bebas daripada tekanan antarabangsa

F8 Kesejahteraan rakyat pelbagai kaum

Mana-mana jawapan yang munasabah

4 markah

Kebaikan sistem pemerintahan demokrasi ialah menjamin kestabilan politik dan pentadbiran negara. Ini kerana melalui sistem demokrasi hanya pemimpin yang berkeelayakan sahaja yang dipilih. Sekiranya mereka gagal menunjukkan prestasi yang baik, rakyat boleh mengengapikannya semasa pilihan raya. Secara umumnya dapat dirumuskan, sistem demokrasi mempunyai banyak kebaikan kerana sistem demokrasi memberikan kebebasan untuk memilih dan membentuk kehidupan sesuai dengan apa yang diharapkan.

SEJARAH TINGKATAN 5





BAB 3 : RAJA BERPERLEMBAGAAN DAN DEMOKRASI BERPARLIMEN

**GEMPUR SPM
TAJUK-TAJUK PENTING
TINGKATAN 5**



**CIKGU:
ROSLE BIN YASIN**

BAB 3 : Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen

1. Latar Belakang Pemerintahan Beraja dan Demokrasi Berparlimen
2. Sejarah dan Kedudukan Institusi Majlis Raja-Raja
3. Yang di-Pertuan Agong dan Raja dalam Perlembagaan Persekutuan 
4. Amalan Demokrasi dan Pengasingan Kuasa 
5. Keunikan Amalan Demokrasi Berparlimen di Negara Kita

1. Pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka mempunyai pengaruh yang besar bagi membina tradisi dan adat istiadat yang diwarisi oleh kesultanan Melayu yang muncul kemudiannya

a. Senaraikan kesultanan Melayu yang lahir selepas Kesultanan Melayu Melaka.

- i. **F1 Kesultanan Johor Riau, Pahang dan Perak** .
- F2 Kesultanan Terengganu dan Selangor**
- ii. **F3 Kesultanan Kelantan, Negeri Sembilan dan Perlis** .
- F4 Kesultanan Kedah** 2 markah

b. Senaraikan undang-undang yang digubal di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu (NNMTB) bagi menghalang peluasan pengaruh British.

- i. **F1 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor 1895**
- ii **F2 Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu 1911.** 2 markah

c. Mengapakah pentadbiran tentera Jepun mengekalkan pemerintahan beraja di Tanah Melayu.

3 markah

- F1 Untuk mendapat sokongan Raja-raja dan orang Melayu
- H1a Mengantikan pentadbiran British
- F2 Memberi kerjasama kepada Jepun
- H2a Rakyat menghormati dan mentaati raja.
- H2b Mengharapkan rakyat menyokong pentadbiran Jepun

Pentadbiran tentera Jepun mengekalkan pemerintahan beraja di Tanah Melayu bertujuan untuk mendapatkan sokongan Raja-raja dan orang Melayu bagi menggantikan pentadbiran British.

Selain itu, pentadbiran tentera Jepun mengekalkan pemerintahan beraja di Tanah Melayu kerana berharap orang Melayu memberi kerjasama kepada Jepun. Hal ini yang demikian kerana rakyat menghormati dan mentaati raja. Oleh itu, apabila Jepun mengekalkan pemerintahan beraja, ia mengharapkan rakyat menyokong pentadbiran Jepun

d. Bagaimanakah anda menunjukkan ketaatan dan kesetiaan anda kepada raja dan negara Malaysia?

- F1 Tidak memburukkan nama negara
 - F2 Sanggup berkorban untuk Raja dan tanah air
 - F3 Mematuhi undang-undang
 - F4 Hidup bersatu padu
 - F5 Mewujudkan keharmonian kaum
 - F6 Mengamalkan sikap bertoleransi
- Mana-mana jawapan yang munasabah

Cara menunjukkan ketaatan dan kesetiaan anda kepada raja dan negara Malaysia ialah dengan tidak memburukkan nama negara kerana ia akan memberi kesan buruk kepada imej negara di peringkat antarabangsa. Sebaliknya kita seharusnya memainkan peranan untuk mengharumkan nama negara di mata dunia

Selain itu, cara menunjukkan ketaatan dan kesetiaan ialah sanggup berkorban untuk Raja dan tanah air dengan cara mengembleng seluruh tenaga menyumbang kepada pembangunan negara. Kepatuhan kepada undang-undang negara juga antara cara menunjukkan ketaatan dan kesetiaan kita kepada raja dan negara. Kepatuhan kepada undang-undang negara boleh mengurangkan kadar jenayah dan secara tidak langsung boleh mewujudkan negara yang aman. Kesimpulannya menjadi tanggungjawab setiap warga negara menzahirkan taat dan setia kepada raja dan negara bertepatan dengan prinsip kedua Rukun Negara bagi membolehkan negara terus berkembang maju.

2. Sistem pemerintahan di Malaysia merupakan sistem pemerintahan Beraja dan Demokrasi Berparlimen.

a. Jelaskan maksud raja berperlembagaan.

4 markah

- F1 Sistem pemerintahan beraja mengikut peruntukan perlembagaan Malaysia
- F2 Yang di-Pertuan Agong bertindak berdasarkan perlembagaan
- F3 Mendapat nasihat Perdana Menteri
- F4 Baginda tidak boleh bertindak sendirian
- F5 Kecuali perkara tertentu guna budi bicara membuat keputusan

a. Jelaskan maksud raja berperlembagaan.

4 markah

Maksud sistem Raja Berpelembagaan ialah sistem pemerintahan yang mengekalkan raja sebagai pemerintah tertinggi negara dan negeri serta bertindak sebagai ketua utama negara.

Dalam sistem pemerintahan Raja Berpelembagaan bidang kuasa Yang Di-Pertuan Agong dan Raja mengikut peruntukan yang telah ditetapkan oleh perlembagaan Malaysia.

Semua tindakan Yang di-Pertuan Agong adalah berdasarkan Perlembagaan Malaysia atas nasihat Perdana Menteri. Baginda tidak boleh bertindak sendirian kecuali dalam perkara tertentu yang memerlukan baginda untuk membuat keputusan.

Sistem Raja Berpelembagaan merupakan simbol keutuhan dan perpaduan rakyat di negara ini. Berdasarkan sistem Raja Berpelembagaan, Yang di-Pertuan Agong dipilih daripada kalangan Sembilan orang Raja Melayu secara bergilir-gilir yang dilakukan oleh Majlis Raja-Raja dan pemilihan Yang di-Pertuan Agong dibuat mengikut peruntukan dalam Perlembagaan Malaysia

b. Terangkan bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong mengikut perlembagaan Malaysia.

- F1 Yang di-Pertuan Agong bertindak berdasarkan perlembagaan
- H1a Mendapat nasihat Perdana Menteri
- F2 Baginda tidak boleh bertindak sendirian
- H2 Kecuali perkara tertentu guna budi bicara membuat keputusan
- F3 Ketua negara
- H3a mengetuai tiga badan kerajaan
- H3b Badan Perundangan / Badan Pemerintahan / Badan Kehakiman
- H3c Baginda berkuasa memanggil dan membubarkan parlimen
- F4 Ketua Tertinggi Angkatan Bersenjata
- H4a Berkuasa mengampun dan menangguhkan hukuman kesalahan yang dibicarakan oleh Mahkamah Tentera
- F5 Memelihara kedudukan dan hak istimewa orang Melayu
- F6 Menitahkan Majlis Raja-raja Melayu mengadakan mesyuarat
- H6a Membincangkan keistimewaan, kedudukan, kehormatan dan kemuliaan Raja-raja Melayu
- F7 Ketua agama Islam
- H7a Negeri baginda sendiri
- H7b Pulau Pinang, Melaka/Wilayah Persekutuan/Sarawak dan Sabah/negeri-negeri yang tiada sultan
- F8 Kuasa budi bicara
- H8a Untuk melantik Perdana Menteri
- H8b Melantik dan melucutkan jawatan Jemaah Menteri dan Timbalan Menteri setelah mendapat nasihat Perdana Menteri
- H8c Melantik duta-duta negara/SPR/ketua Audit negara/peguam Negara

b. Terangkan bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong mengikut perlembagaan Malaysia.

- F1 Yang di-Pertuan Agong bertindak berdasarkan perlembagaan
- H1a Mendapat nasihat Perdana Menteri
- F2 Baginda tidak boleh bertindak sendirian
- H2 Kecuali perkara tertentu guna budi bicara membuat keputusan
- F3 Ketua negara
- H3a mengetuai tiga badan kerajaan
- H3b Badan Perundangan / Badan Pemerintahan / Badan Kehakiman
- H3c Baginda berkuasa memanggil dan membubarkan parlimen

Sistem pemerintahan beraja mengikut peruntukan perlembagaan Malaysia Yang di-Pertuan Agong bertindak berdasarkan apa yang ditentukan oleh perlembagaan serta mendapat nasihat Perdana Menteri.

Berdasarkan perlembagaan Malaysia, Baginda tidak boleh bertindak sendirian, kecuali perkara tertentu menggunakan kuasa budi bicara membuat keputusan. Perlembagaan Malaysia menetapkan Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua negara dan mengetuai tiga badan kerajaan iaitu Badan Perundangan, Badan Pemerintahan dan Badan Kehakiman. Baginda juga berkuasa memanggil dan membubarkan parlimen di atas nasihat Perdana Menteri.

c. Pada pendapat anda, mengapakah institusi Raja Berperlembagaan perlu dipertahankan? **8 markah**

- F1 Warisan turun-temurun sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka
 - F2 Merupakan tonggak keagungan kerajaan Malaysia
 - F3 Raja merupakan ketua negara
 - F4 Lambang perpaduan rakyat
 - F5 Lambang kedaulatan negara
 - F6 Lambang taat setia rakyat
 - F7 Lambang identiti negara
 - F8 Pelindung semua rakyat / orang Melayu
 - F9 Menjaga hak istimewa orang Melayu / bumiputera
- Mana-mana jawapan yang munasabah

c. Pada pendapat anda, mengapakah institusi Raja Berperlembagaan perlu dipertahankan? 8 markah

Institusi Raja Berperlembagaan perlu dipertahankan kerana ia merupakan **warisan turun-temurun** sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka. Ini adalah kerana ia merupakan lambang kestabilan dan kesinambungan agama, identiti, budaya dan cara hidup masyarakat di negara ini.

Institusi beraja juga **merupakan tonggak keagungan** kerajaan Malaysia. Dalam institusi beraja berpelembagaan, Raja **merupakan ketua negara**. sekiranya berlaku sebarang pertikaian, maka Raja bertindak sebagai orang tengah untuk menyelesaikan masalah yang wujud. **Contohnya, apabila berlaku perbalahan atau perselisihan dalam kalangan pemimpin yang berlainan ideologi politik, raja menjadi orang tengah untuk menyelesaikan masalah.** Rumusannya, jelas keperluan institusi Raja Berperlembagaan dipertahankan bagi memastikan kesejahteraan dan keamanan negara di samping memastikan kesejahteraan hidup rakyat berbilang kaum di negara kita terus berkekalan.

3. Demokrasi Berparlimen dan Raja Berpelembagaan diterima sebagai sistem pentadbiran negara kita.

a. Apakah maksud demokrasi?

F1 pemerintahan daripada rakyat melalui wakil yang dipilih dalam pilihan raya

F2 kerajaan rakyat oleh rakyat untuk rakyat

F3 Rakyat memilih wakil mereka melalui pilihan raya

F4 Rakyat terlibat membuat keputusan politik

b. Apakah yang anda faham dengan maksud pilihan raya?

F1 Proses memilih wakil rakyat untuk memerintah peringkat negeri

F2 Proses memilih wakil rakyat untuk memerintah peringkat Persekutuan

F3 Memilih pemimpin berwibawa bagi mencorakkan pemerintahan demi kemakmuran negara

c. Senaraikan dua buah Negara yang mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi pada hari ini

F1 Malaysia

F2 Indonesia

F3 Filipina

F4 Singapura

F5 India

F6 Amerika Syarikat

F7 Britain

F8 Belanda

2 markah

(Mana-mana negara yang mengamalkan demokrasi)

d. Mengikut pengetahuan sejarah anda, apakah kepentingan pilihan raya dalam sesebuah negara? 4 markah

F1 Asas pemilihan pemimpin

F2 Pemimpin yang diterima majoriti

F3 Menjamin kerajaan yang cekap

F4 Menentukan bentuk kerajaan

F5 Memulangkan hak rakyat

F6 Memilih wakil rakyat

F7 Mengelakkan keadaan kacau bilau dalam memilih pemimpin

F8 Peluang untuk menukar kerajaan jika tidak sesuai

M Mana-mana jawapan munasabah

d. Mengikut pengetahuan sejarah anda, apakah kepentingan pilihan raya dalam sesebuah negara?

Pilihan raya penting dalam sesebuah negara kerana ia merupakan **asas pemilihan pemimpin** dalam sistem demokrasi kerana melalui cara ini akan dapat memberikan mandat untuk membentuk kerajaan dan memilih **pemimpin yang berwibawa** bagi mencorakkan pemerintahan demi kemakmuran negara.

Selain itu, pilihan raya penting dalam sesebuah negara kerana pemimpin yang dipilih diterima secara majoriti. Oleh itu, hanya pemimpin yang mendapat sokongan majoriti sahaja akan mentadbir negara.

Pilihan raya juga penting dalam sesebuah negara kerana ia menjamin kerajaan yang cekap dan berwibawa. Sekiranya kerajaan yang dipilih tidak cekap, rakyat mempunyai hak untuk tidak memilihnya pada sesi akan datang. Kesimpulannya, pilihanraya sangat penting dalam pembentukan kerajaan yang baik dan cekap demi memastikan kelangsungan pembangunan yang telah diasaskan oleh pemimpin sebelumnya.

SOALAN TAMBAHAN

e. Sekiranya anda dilantik sebagai pemimpin di sebuah Negara yang mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi, apakah ciri-ciri kepimpinan yang anda akan amalkan?

- F₁ Adil Telus
 - F₂ Tidak mengamalkan rasuah
 - F₃ Bijak mentadbir
 - F₄ Mampu memajukan ekonomi Negara
 - F₅ Menjalin hubungan baik dengan semua Negara
 - F₆ Menjalin hubungan baik dengan rakyat
 - F₇ Menjaga kebajikan rakyat
 - F₈ Pragmatik/sentiasa mengikut perkembangan
- (Mana-mana jawapan munasabah)

Ciri kepimpinan yang saya akan amalkan ialah berlaku adil kepada semua rakyat di bawah pimpinan saya.

Selain itu, saya **tidak akan mengamalkan rasuah** kerana amalan rasuah boleh membawa kemusnahan dan mengancam keselamatan negara.

Seterusnya saya akan berusaha memajukan ekonomi negara agar rakyat dapat menikmati kemakmuran dan kekayaan negara.

SEJARAH TINGKATAN 5



BAB 4: SISTEM PERSEKUTUAN

**GEMPUR SPM
TAJUK-TAJUK PENTING
TINGKATAN 5**



**CIKGU:
ROSLE BIN YASIN**

BAB 4 : Sistem Persekutuan

1. Latar Belakang Sistem Persekutuan di Negara Kita ✓
2. Kuasa Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri ✓
3. Kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri
4. Faktor yang Mengukuhkan Sistem Persekutuan

SOALAN ESEI

1. **Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan sistem Persekutuan.**
 - a. Jelaskan tentang latar belakang sistem Persekutuan di negara kita.

8 markah

- F1 Bermula peluasan pengaruh British tahun 1896**
- H1a Dikenali sebagai NNMB**
- H1b Tidak mempunyai agihan kuasa dan fungsi khusus antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri.**
- F2 Diperkemas pada tahun 1927**
- H2a Untuk memperkemas tadbir urus & mengukuhkan kedudukan British di negeri Melayu**
- F3 Tahun 1946, menyatukan pentadbiran semua negeri Melayu**
- H3a Dilaksanakan tempoh masa yang terhad**
- H3b Gagal diteruskan setelah mendapat bantahan daripada Raja-raja Melayu dan orang Melayu**
- F4 Persekutuan Tanah Melayu 1948.**
- H4a Gabungan sembilan buah negeri Melayu dan dua buah NNS.**
- H4b Menetapkan kuasa Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.**
- H4c Pesuruhjaya Tinggi British dilantik sebagai ketua Persekutuan.**
- H4d Raja-raja Melayu memerintah negeri mengikut perlembagaan negeri masing-masing.**
- F5 Persekutuan Tanah Melayu 1957 mewujudkan Kerajaan Persekutuan yang kuat**
- H5a Bagi melicinkan pentadbiran negara yang berdaulat.**
- H5b Wujud jawatan Yang di-Pertuan Agong diwujudkan sebagai Ketua Persekutuan.**
- F6 Pada 16 September 1963, Persekutuan Malaysia**
- H6a Terdiri daripada 11 buah negeri Tanah Melayu, Singapura, Sarawak dan Sabah.**

Sistem Persekutuan dibentuk berikutan **peluasan pengaruh British** berkuat kuasa pada tahun 1896. Persekutuan terdiri daripada **empat buah negeri Melayu dikenali sebagai NNMB**. Persekutuan tersebut **tidak mempunyai agihan kuasa dan fungsi khusus** antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri.

Persekutuan diperkemaskan dengan penstrukturan Majlis Mesyuarat Persekutuan pada tahun 1927 untuk **memperkemas tadbir urus** Persekutuan dan **mengukuhkan kedudukan** British di negeri Melayu.

Seterusnya, British berusaha untuk **menyatukan pentadbiran semua negeri Melayu** serta Pulau Pinang dan Melaka untuk membentuk sebuah kerajaan berbentuk kesatuan dinamakan **Kesatuan Malaya 1946 (Malayan Union)**. Malayan Union dilaksanakan dalam **tempoh masa yang terhad** dan gagal diteruskan. Hal ini demikian kerana mendapat **bantahan daripada Raja-raja Melayu dan orang Melayu**.

b. Pada pendapat anda, apakah kesan pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1957? **6 markah**

- F1 Muncul Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka.**
 - F2 Mewujudkan sebuah Kerajaan Persekutuan yang kuat**
 - F3 Melicinkan urusan pentadbiran negara**
 - F4 Jawatan Yang di-Pertuan Agong diwujudkan**
 - H4a sebagai Ketua Persekutuan.**
 - F5 Konsep Persekutuan diperkukuh**
 - H5a Sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen**
 - H5b Mentadbir mengikut acuan sendiri**
- Mana-mana jawapan yang munasabah**

Kesan pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1957, muncul **Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka**. Persekutuan yang berasaskan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 **mewujudkan sebuah Kerajaan Persekutuan yang kuat** bagi **melicinkan pentadbiran negara yang berdaulat**.

Selain itu, kesan pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1957 ialah wujud **jawatan Yang di-Pertuan Agong** sebagai **Ketua kerajaan Persekutuan**.

Kesan pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1957, **konsep Persekutuan diperkukuh** dengan **sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen** melalui peruntukan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957.

Kesimpulannya, kesan daripada pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1957 kita **dapat mentadbir negara kita mengikut acuan sendiri dan membina negara seperti yang dihasratkan oleh setiap warganegara**. Impaknya dapat dilihat dengan nyata seperti terbinanya bangunan pencakar langit Merdeka 118 PNB di Kuala Lumpur yang menjadi bangunan kedua tertinggi di dunia melambang kemajuan pesat negara kita.

c. Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, mengapakah pentadbiran yang cekap perlu diwujudkan dalam sesebuah negara Persekutuan seperti Malaysia. 6 markah

- F1 Menjamin kesejahteraan rakyat**
- F2 Mengagihan kekayaan negara sama rata**
- F3 Menjamin kestabilan politik negara**
- F4 Kemajuan ekonomi berkembang pesat**
- F5 Memastikan perpaduan rakyat**
- F6 Menjaga keamanan Negara**

Mana-mana jawapan munasabah

c. Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, mengapakah pentadbiran yang cekap perlu diwujudkan dalam sesebuah negara Persekutuan seperti Malaysia. 6 markah

Pentadbiran yang cekap perlu diwujudkan kerana ia dapat **menjamin kesejahteraan hidup rakyat** malahan ia akan dapat **mempercepatkan proses pembangunan negara**.

Selain itu, dengan pentadbiran yang cekap **kekayaan negara dapat diagih dan dinikmati secara sama rata**. Secara tidak langsung ia dapat **menjamin kestabilan politik** negara kerana **rakyat tidak mempunyai alasan untuk menentang kerajaan**. Rumusannya, pentadbiran yang cekap sangat penting kerana ia akan dapat melahirkan budaya kerja cemerlang dan mewujudkan kepimpinan berkualiti dalam melaksana urusan tadbir negara .

Seterusnya, dengan pentadbiran yang cekap **kemajuan ekonomi berkembang pesat**. Ia akan dapat **menarik pelaburan asing** untuk menanam modal di negara kita. Pentadbiran yang cekap akan dapat **memastikan perpaduan dalam kalangan rakyat** sekaligus akan keamanan Negara akan wujud.

2. Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan kuasa yang khusus antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri yang meliputi kuasa perundangan dan kuasa pemerintahan
 - a. Nyatakan tiga Senarai Persekutuan yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan

- F1 Hal ehwal luar negeri.
- F2 Pertahanan.
- F3 Keselamatan dalam negeri.
- F4 Pentadbiran keadilan.
- F5 Kewarganegaraan.
- F6 Kewangan.
- F7 Perhubungan dan pengangkutan.
- F8 Pelajaran.
- F9 Perubatan dan kesihatan.

b. Berikan tiga Senarai Bersama antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan

i.

ii.

F1 Kebajikan awam.

F2 Biasiswa.

F3 Perlindungan haiwan liar dan taman negara.

F4 Perancangan bandar dan luar bandar.

F5 Kesihatan awam, kebersihan dan pencegahan penyakit.

F6 Kebudayaan dan sukan.

F7 Perumahan.

c. Pada pandangan anda, apakah kepentingan pembahagian kuasa antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri?

.....

F1 Melicinkan perjalanan sistem Persekutuan

F2 Mengelakkan permasalahan antara kedua-dua peringkat kerajaan

F3 Kepentingan mewujudkan pentadbiran yang sistematik

F4 Melicinkan tadbir urus negara

F5 Membentuk pentadbiran yang berwibawa

F6 Bagi kemajuan bangsa dan negara.

Mana-mana jawapan yang munasabah

c. Pada pandangan anda, apakah kepentingan pembahagian kuasa antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri?

Kepentingan pembahagian kuasa antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri ialah bagi melicinkan perjalanan sistem Persekutuan. Peruntukan kuasa lebih besar diberikan pada peringkat Persekutuan untuk mewujudkan Kerajaan Persekutuan yang kuat bagi menjamin kestabilan dan kemajuan negara.

Selain itu, ia penting bagi mengelakkan permasalahan antara kedua-dua peringkat kerajaan. Pembahagian kuasa antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri juga penting bagi mewujudkan pentadbiran yang sistematik dan melicinkan tadbir urus negara supaya pembangunan negara berjalan seperti yang dirancang.

Pembahagian kuasa antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri penting bagi membentuk pentadbiran yang berwibawa sesuai dengan apa yang dikehendaki oleh rakyat. Kesimpulannya, pembahagian kuasa antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri amat penting dalam usaha memajukan negara sesuai dengan cita-cita dan aspirasi untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju yang disegani.

SEJARAH TINGKATAN 5



BAB 5 : PEMBENTUKAN MALAYSIA

GEMPUR SPM TAJUK-TAJUK PENTING TINGKATAN 5



**CIKGU:
ROSLE BIN YASIN**

BAB 5 : Pembentukan Malaysia

1. Perkembangan Idea dan Usaha Pembentukan Malaysia ✓
2. Reaksi Tempatan dan Negara Jiran terhadap Pembentukan Malaysia ✓
3. Langkah Pembentukan Malaysia ✓
4. Perjanjian Julai 1963 dan Peristiwa Pengisytiharan Malaysia
5. Konfrontasi dan Usaha Menangani

1. Pembentukan Malaysia mendapat tentangan daripada Negara luar. Bagaimanapun pemimpin negara dapat menanganinya dengan bijaksana.

a. Nyatakan tentang idea pembentukan Malaysia oleh penduduk tempatan?

6 markah

b. Terangkan faktor-faktor pembentukan Malaysia

6 markah

c. Sebagai warganegara yang patriotik, apakah tanggungjawab anda dalam mengekalkan keharmonian di negara kita

8 markah

1. Pembentukan Malaysia mendapat tentangan daripada Negara luar. Bagaimanapun pemimpin negara dapat menangani dengan bijaksana.

a. Nyatakan tentang idea pembentukan Malaysia oleh penduduk tempatan?

6 markah

F1	Majalah Al-Imam menggesa penyatuan raja dan orang Melayu
H1a	Dalam pendidikan dan pembangunan ekonomi di Alam Melayu.
F2	Konsep Melayu Raya diperjuangkan oleh nasionalis Tanah Melayu
C2a	Ibrahim Haji Yaakob, Ahmad Boestamam, Ishak Haji Muhammad dan Dr. Burhanuddin al-Helmi
H2a	Menggabungkan Tanah Melaju dengan Indonesia
H2b	Tidak berhasil apabila Presiden Soekarno mengisytiharkan kemerdekaan Indonesia.
F3	Tunku Abdul Rahman mencadangkan pembentukan Malaysia
H3a	Gabungan Singapura, Sarawak, Sabah dan Brunei
F4	Datu Mustapha Datu Harun pemimpin Sabah bertemu dengan Tunku Abdul Rahman
H4a	Berminat untuk membawa Sabah bergabung dengan Persekutuan Tanah Melayu.

b. Terangkan faktor-faktor pembentukan Malaysia.

8 markah

- F1 **Ancaman Komunis di Singapura**
- H1a Menggugat keselamatan Persekutuan Tanah Melayu.
- H1b Tunku Abdul Rahman menganggap Singapura akan menjadi pusat kegiatan komunis.
- F2 **Perkembangan komunis di Sarawak**
- H2a Ancaman komunis melalui gerakan Clandestine Communist Organization (CCO).
- H2b Dapat membendung ancaman komunis.
- F3 **Keseimbangan Komposisi Penduduk**
- H3a Penyatuan Singapura mewujudkan ketidakseimbangan komposisi penduduk antara orang Melayu dengan orang Cina.
- H3b Penggabungan Sarawak, Sabah dan Brunei akan menyeimbangkan komposisi antara kaum.
- F4 **Mempercepat Kemerdekaan**
- H4a Merealisasikan rancangan dekolonisasi mempercepat kemerdekaan wilayah Borneo.
- H4b Memastikan mendapat sokongan penduduk di wilayah ini.
- F5 **Pembangunan Wilayah**
- H5a Mempercepat pelbagai bidang pembangunan.
- H5b Meningkatkan taraf hidup peribumi dalam pelbagai aspek
- C5a Seperti infrastruktur, sosial dan ekonomi yang lebih seimbang.

- c. **Sebagai warganegara yang patriotik, apakah tanggungjawab anda dalam mengekalkan keharmonian di negara kita.** **6 markah**

F1	Mengamalkan sikap bekerjasama antara kaum
F2	Mengutamakan perundingan sebagai pendekatan masyarakat berbilang kaum
F3	Bermusyawarah bagi mengatasi kemelut politik negara
F4	Mengamalkan sikap tolak ansur politik
F5	Menyatupadukan kaum
F6	Bersama-sama mempertahankan keselamatan negara
F7	Mematuhi perlembagaan
F8	Menghormati pemimpin negara
F9	Setia kepada raja dan negara
	Mana-mana jawapan munasabah

2. Pembentukan Malaysia telah mendapat tentangan daripada Kerajaan Indonesia. Pada 20 Januari 1963, Menteri Luar Indonesia Dr Subandrio mengumumkan dasar konfrantasi dengan Malaysia.

a. Nyatakan peristiwa penentangan Indonesia.

6 markah

b. Jelaskan langkah-langkah yang diambil untuk menamatkan konfrantasi dengan Indonesia

6 markah

c. Andaikan anda sebagai seorang pemimpin negara, bagaimanakah anda menyelesaikan penentangan pihak yang tidak bersetuju dengan pembentukan Malaysia?

8 markah

2. Pembentukan Malaysia telah mendapat tentangan daripada Kerajaan Indonesia. Pada 20 Januari 1963, Menteri Luar Indonesia Dr Subandrio mengumumkan dasar konfrantasi dengan Malaysia.

a. Nyatakan peristiwa penentangan Indonesia. 6 markah

F1	20 Januari 1963 melancarkan dasar konfrontasi terhadap Tanah Melayu
H1a	Alasan mengancam kedudukan Indonesia
H1b	Menggunakan slogan “Ganyang Malaysia”
F2	16 Januari 1963 - 27 Mac 1963 Tentera Indonesia melancarkan serangan gerila di Sarawak.
F3	Ogos - Disember 1964 Pendaratan gerila di Johor.
H3a	Tindakan ketenteraan terawal berlaku apabila pendaratan tentera dan separa tentera Indonesia di Tebedu, Sarawak pada 12 April 1963.
F4	Pada 29 Disember 1963, berlaku peristiwa berbalas tembakan antara tentera Malaysia dengan Indonesia di Kalabakan, Sabah.
F5	Pada 2 September 1964, berlaku peristiwa pendaratan seramai 30 orang gerila Indonesia di Labis, Johor.
H5	Gerila Indonesia yang masuk ke Johor ditahan oleh pasukan tentera Malaysia.

Pembentukan Malaysia telah mendapat tentangan daripada Kerajaan Indonesia. Pada 20 Januari 1963, Menteri Luar Indonesia Dr Subandrio mengumumkan dasar konfrantasi dengan Malaysia.

a. Nyatakan peristiwa penentangan Indonesia. 6 markah

Dr. Subandrio, Menteri Luar Indonesia mengumumkan dasar konfrontasi terhadap Malaysia dengan **alasan mengancam kedudukan Indonesia**. Indonesia melancarkan dasar konfrontasi terhadap Tanah Melayu dengan slogan "Ganyang Malaysia.

Di antara 16 Januari 1963 hingga 27 Mac 1963 Tentera Indonesia **melancarkan serangan gerila di Sarawak**. Manakala antara Ogos hingga Disember 1964 berlaku **pendaratan gerila Indonesia di Johor**.

Tindakan ketenteraan Indonesia terawal berlaku apabila **pendaratan tentera dan separa tentera Indonesia di Tebedu, Sarawak** pada 12 April 1963. Pada 29 Disember 1963, **berlaku peristiwa berbalas tembakan** antara tentera Malaysia dengan Indonesia **di Kalabakan, Sabah**.

Pada 2 September 1964, berlaku peristiwa **pendaratan seramai 30 orang gerila Indonesia di Labis, Johor**. **Gerila Indonesia yang masuk ke Johor ditahan** oleh pasukan tentera Malaysia.

b. Jelaskan langkah-langkah yang diambil untuk menamatkan konfrantasi dengan Indonesia.

6 markah

- | | |
|-----|---|
| F1 | Malaysia menggunakan pendekatan diplomatik dalam usaha menangani konfrontasi. |
| H1a | Muhammad Ghazali Shafie mengetuai Kementerian Luar Negeri menyusun strategi untuk mematahkan kempen propaganda Indonesia |
| F2 | U Thant, Setiausaha Agung PBB, mengutus wakilnya C.V. Narasimhan pada bulan Februari 1963 |
| H2a | Berunding dengan pemimpin kerajaan Indonesia dan Persekutuan Tanah Melayu. |
| F3 | Presiden Macapagal menganjurkan rundingan peringkat pegawai di Manila pada 9 April 1963 |
| H3a | Malaysia diwakili oleh Muhammad Ghazali Shafie. |
| F4 | Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj menerima undangan Presiden Soekarno untuk bertemu di Tokyo pada 1963. |
| H4a | Dalam pertemuan ini, Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj menerangkan tujuan pembentukan Malaysia. |
| F5 | Tun Abdul Razak Hussein menghadiri mesyuarat peringkat Menteri Luar di Manila pada 7-11 Jun 1963 bagi mencari penyelesaian konfrontasi. |
| H5a | Dr. Subandrio, Menteri Luar Indonesia, hadir bagi pihak negaranya. |

- F6 Tunku Abdul Rahman menghadiri mesyuarat bersama-sama Presiden Soekarno dan Presiden Macapagal di Manila pada 31 Julai - 5 Ogos 1963.
- H6a Hasil kerajaan Indonesia dan Filipina merima pembentukan Malaysia selepas penilaian dibuat oleh PBB terhadap Sarawak dan Sabah.
- F7 Rundingan Malaysia, Indonesia dan Filipina berlangsung pada tahun 1964 melibatkan dua persidangan peringkat menteri di Bangkok dan satu sidang kemuncak di Tokyo.
- H7a Peranan utama dimainkan oleh Than Khoman, Menteri Luar Thailand yang menganjurkan pertemuan dengan Menteri Luar Indonesia.
- F8 Peralihan kepimpinan di Indonesia pada 30 September 1965 menamatkan konfrontasi.
- H8a Jeneral Suharto melantik Jeneral Ali Moertopo dan Adam Malik untuk berunding menamatkan konfrontasi.
- F9 Kerajaan Indonesia mengumumkan penamatan konfrontasi pada 4 Ogos 1966.
- F10 Tun Abdul Razak Hussein menandatangani perjanjian Persetujuan Normalisasi Hubungan Indonesia-Malaysia di Jakarta pada 11 Ogos 1966.

b. Jelaskan langkah-langkah yang diambil untuk menamatkan konfrantasi dengan Indonesia. 8 markah

Malaysia menggunakan **pendekatan diplomatik** sebagai langkah-langkah untuk menamatkan konfrantasi dengan Indonesia. Muhammad Ghazali Shafie mengetuai Kementerian Luar Negeri menyusun strategi untuk **mematahkan kempen propaganda** Indonesia.

U Thant, Setiausaha Agung PBB, mengutus wakilnya C.V. Narasimhan pada bulan Februari 1963 untuk **berunding dengan pemimpin kerajaan Indonesia** dan Persekutuan Tanah Melayu.

Presiden Macapagal **menganjurkan rundingan peringkat pegawai di Manila** pada 9 April 1963. Malaysia diwakili oleh Muhammad Ghazali Shafie. Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj **menerima undangan Presiden Soekarno untuk bertemu di Tokyo** pada 1963. Dalam pertemuan ini, Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj **menerangkan tujuan pembentukan Malaysia.**

Tun Abdul Razak Hussein pula **menghadiri mesyuarat peringkat Menteri Luar** di Manila pada 7-11 Jun 1963 bagi mencari penyelesaian konfrontasi. Dr. Subandrio, Menteri Luar Indonesia, hadir bagi pihak negaranya.

c. Andaikan anda sebagai seorang pemimpin negara, bagaimanakah anda menyelesaikan penentangan pihak yang tidak bersetuju dengan pembentukan Malaysia?

- F1 Berunding dengan pihak yang tidak bersetuju**
 - H1a Mencari penyelesaian tanpa pertumpahan darah**
 - F2 Menyelesaikan melalui orang tengah**
 - H2a Agar persetujuan dicapai dan adil bagi kedua-dua pihak**
 - C2a Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu**
 - F3 Menunjukkan sikap persahabatan**
 - H3a Supaya pihak terbabit tidak mempunyai alasan untuk menentang**
 - F4 Persediaan pasukan keselamatan**
 - H4a Terutamanya di kawasan sempadan**
 - H4b Kelengkapan persenjataan yang lengkap**
 - F5 Menggunakan pendekatan diplomasi**
 - H5a Dengan memulihkan hubungan diplomatic**
 - H5b Supaya tidak tercetus pertempuran yang membawa kemusnahan harta dan nyawa**
- Mana-mana jawapan yang munasabah**

- c. Andaikan anda sebagai seorang pemimpin negara, bagaimanakah anda menyelesaikan penentangan pihak yang tidak bersetuju dengan pembentukannMalaysia? 8 markah

Saya menyelesaikan dengan **cara berunding** dengan pihak yang tidak bersetuju. Ini bertujuan **mencari penyelesaian tanpa** pertumpahan darah kerana dengan cara kekerasan bukan sahaja menyebabkan ramai rakyat yang tidak berdosa terkorban malahan akan mengakibatkan kerosakkan dan kemusnahan harta benda.

Selain itu, saya akan menyelesaikan **melalui orang tengah** agar persetujuan dicapai dengan adil bagi kedua-dua belah pihak. Contohnya menggunakan **Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu** bagi mencari jalan penyelesaian di meja rundingan.

Seterusnya, **menunjukkan sikap persahabatan** dengan negeri-negara tersebut. Mengelakkan **isu-isu sensitif yang menyentuh emosi** negara yang terbabit ini supaya pihak terbabit tidak mempunyai alasan untuk menentang negara kita. Kesimpulannya, apa sahaja pertikaian yang berlaku sebaik-baik penyelesaian ialah melalui rundingan. Tidak ada masalah yang tidak boleh diselesaikan sekiranya semua pihak mengambil sikap bertolak ansur dalam untuk mewujudkan keamanan dunia.

SEJARAH TINGKATAN 5



BAB 6 : CABARAN SELEPAS PEMBENTUKAN MALAYSIA

GEMPUR SPM TAJUK-TAJUK PENTING TINGKATAN 5




**CIKGU:
ROSLE BIN YASIN**

BAB 6 : Cabaran Selepas Pembentukan Malaysia

1. Cabaran Dalaman Malaysia ✓
2. Pemisahan Singapura ✓
3. Menangani Ancaman Komunis
4. Isu Pembangunan dan Ekonomi
5. Tragedi Hubungan antara Kaum

1. Rajah berikut berkaitan faktor pemisahan Singapura daripada Malaysia.



a. Apakah X dan Y?

[2 markah]

X : **Masalah Perkauman**
.....

Y : **Faktor politik**
.....

b. Nyatakan faktor ekonomi yang mendorong pemisahan Singapura daripada Malaysia.

4 markah

- F1 Singapura menuntut pembukaan pasaran bersama disegerakan.
- F2 Singapura tidak berpuas hati dengan cadangan tambahan cukai yang perlu diberikan kepada Kerajaan Persekutuan.
- F3 Singapura mahu mengenakan kadar faedah pinjaman
- F4 Sebanyak RM 150 juta
- F5 Untuk pembangunan Sarawak dan Sabah

Faktor ekonomi yang mendorong pemisahan Singapura daripada Malaysia ialah Singapura menuntut pembukaan pasaran bersama (common market) disegerakan. Di samping itu, Singapura tidak berpuas hati dengan cadangan tambahan cukai yang perlu diberikan kepada Kerajaan Persekutuan.

Selain itu, faktor ekonomi yang mendorong pemisahan Singapura daripada Malaysia ialah Tindakan Singapura mahu mengenakan kadar faedah terhadap sebahagian daripada pinjaman sebanyak RM 150 juta kepada Kerajaan Persekutuan untuk pembangunan Sarawak dan Sabah

c. Tindakan Tunku Abdul Rahman membawa usul pemisahan Singapura ke dalam Parlimen adalah wajar. Jelaskan. 4 markah

Wajar

- F1 Menjejaskan kestabilan politik Singapura membangkitkan sentimen perkauman
- H1b Boleh menimbulkan ketegangan kaum / rusuhan kaum
- Inf Negara tidak aman
- F2 Tidak menghormati Perlembagaan Persekutuan
- H2a Kempen Malaysian Malaysia menuntut hak sama rata
- H2b Bertentangan peruntukan Perlembagaan Persekutuan

c. Tindakan Tunku Abdul Rahman membawa usul pemisahan Singapura ke dalam Parlimen adalah wajar. Jelaskan. 4 markah

Wajar

- F1 Menjejaskan kestabilan politik Singapura membangkitkan sentimen perkauman
- H1b Boleh menimbulkan ketegangan kaum / rusuhan kaum
- Inf Negara tidak aman

Tindakan Tunku Abdul Rahman membawa usul pemisahan Singapura ke dalam Parlimen adalah wajar kerana tindakan Singapura membangkitkan sentimen perkauman boleh menjejaskan kestabilan politik dalam negara.

Tindakan ini boleh menimbulkan ketegangan kaum dan rusuhan serta boleh mencetuskan pertumpahan darah yang menyebabkan kematian rakyat yang tidak berdosa.

Rumusannya kebijaksanaan Tunku Abdul Rahman membawa usul pemisahan Singapura ke dalam Parlimen adalah wajar kerana kegagalan menyelesaikan masalah ini boleh menyebabkan negara tidak aman dan berlaku sentimen perkauman yang boleh menjejaskan kestabilan negara.

2. Negara kita menghadapi pelbagai cabaran selepas pembentukan Malaysia.

a. Senaraikan cabaran yang dihadapi oleh Malaysia.

- | | | |
|-----|-----------|--|
| i. | F1 | Pembangunan dan sosioekonomi di Sarawak dan Sabah |
| | F2 | Krisis politik di Sarawak |
| ii. | F3 | Perpaduan kaum |

2 markah

b. Apakah cabaran untuk memajukan bidang perhubungan dan pengangkutan di negeri Sarawak dan Sabah?

- | | | |
|----|-----------|--|
| i. | F1 | Saiz negeri yang besar |
| | F2 | Masih bergantung pada sistem pengangkutan air |
| ii | F3 | Bentuk muka bumi bergunung ganang |

2 markah

c. Pada pendapat anda, mengapakah usaha mewujudkan perpaduan kaum dan integrasi nasional merupakan cabaran besar yang dihadapi oleh Malaysia?

F1 Penduduk negara kita mempunyai berbilang kaum

C1a Melayu, Cina, India, Melanau, Iban, Bidayuh, Kadazandusun, Murut dan Bajau

H1a Pelbagai budaya dan adat resam

F2 Jarak antara Semenanjung Malaysia dengan Sarawak dan Sabah yang jauh

Usaha mewujudkan perpaduan kaum dan integrasi nasional merupakan cabaran besar yang dihadapi oleh Malaysia kerana penduduk negara Malaysia terdiri daripada masyarakat berbilang kaum contohnya seperti Melayu, Cina, India, Melanau, Iban, Bidayuh, Kadazandusun, Murut dan Bajau. Oleh itu, sudah pasti mempunyai pelbagai budaya dan adat resam. Kesimpulannya, menjadi satu keperluan dan kesungguhan daripada semua pihak untuk memastikan usaha mewujudkan perpaduan kaum dan integrasi nasional ini mencapai kejayaan demi kemakmuran dan kesejahteraan negara.

Selain itu, jarak antara Semenanjung Malaysia dengan Sarawak dan Sabah yang jauh juga merupakan satu cabaran besar untuk mewujudkan intergrasi nasional. Keadaan ini menyebabkan agak sukar memupuk semangat satu negara.

d. Bagaimanakah keharmonian kaum di Malaysia dapat diwujudkan?

- F1 Saling hormat menghormati**
 - F2 Kunjung mengunjungi antara satu sama lain**
 - F3 Memahami budaya kaum lain**
 - F4 memahami kepelbagaian agama**
 - F5 Menerapkan semangat kejiranan**
- Mana-mana jawapan yang munasabah**

Keharmonian kaum di Malaysia dapat diwujudkan sekiranya setiap warganya mengamalkan semangat saling hormat menghormati. Ini akan dapat memperteguhkan perpaduan antara kaum, malah dapat menjadi sebuah negara yang aman dan harmoni.

Amalan kunjung mengunjungi antara satu sama lain, terutama semasa sambutan hari perayaan seperti Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Deepavali, dan Krismas. Impak daripada amalan boleh dijadikan platform untuk mewujudkan keharmonian masyarakat berbilang kaum di negara kita.

Seterusnya, memahami budaya kaum lain dapat mewujudkan suasana yang harmoni dan dapat melahirkan sikap toleransi sesama rakyat Malaysia. Dengan itu, masyarakat akan lebih terbuka memahami kepelbagaian agama di negara kita seterusnya menguatkan lagi kesefahaman antara kaum dan agama. Rumusannya, semua pihak sama ada kerajaan mahupun rakyat mesti berusaha secara bersungguh untuk memastikan keharmonian kaum wujud kerana dengan cara ini akan dapat melahirkan masyarakat yang bersatu padu dan membina negara yang sejahtera.

SEJARAH TINGKATAN 5



BAB 7 : Membina Kesejahteraan Negara

**GEMPUR SPM
TAJUK-TAJUK PENTING
TINGKATAN 5**



**CIKGU:
ROSLE BIN YASIN**

BAB 7 : Membina Kesejahteraan Negara

1. Dasar Pendidikan Kebangsaan
2. Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu dan Bahasa Perpaduan
3. Dasar Kebudayaan Kebangsaan
4. Sukan sebagai Alat Perpaduan
5. Rukun Negara sebagai Tonggak Kesejahteraan Negara



1. Rukun Negara telah diisytiharkan oleh Yang di Pertuan Agong Keempat pada 30 Ogos 1970 dibentuk untuk mendukung cita-cita mencapai beberapa matlamat.

a. Nyatakan matlamat Rukun Negara.

6 markah

- F1 **Masyarakat Demokratik**
- H1a Mendukung cita-cita hendak memelihara cara hidup demokratik.
- H1b Perlembagaan negara menjamin kebebasan hak asasi dan kebebasan kegiatan berpolitik
- H1c Kepentingan negara hendaklah diutamakan lebih daripada kepentingan sesuatu kaum.
- F2 **Negara Bersatu**
- H2a Mendukung cita-cita untuk mencipta satu bangsa dan negara yang bersatu padu.
- H2b Menganggap diri mereka sebagai rakyat Malaysia tanpa mengira keturunan dan kepercayaan.
- F3 **Masyarakat Liberal**
- H3a Wujud satu masyarakat yang liberal.
- H3b Masyarakat bebas mengamalkan agama, adat resam serta kebudayaan
- F4 **Masyarakat Progresif**
- H4a Menegakkan satu masyarakat yang progresif mengikut kemajuan sains dan teknologi
- H4b Masyarakat progresif adalah masyarakat yang bergerak maju sejajar dengan perubahan dan kemajuan pada bangsa dan negara
- F5 **Masyarakat Adil**
- H5a Mencipta satu masyarakat yang adil
- H5b Semua anggota masyarakat mempunyai peluang yang sama untuk menikmati kekayaan negara.
- H5c Masyarakat yang adil akan wujud apabila pihak yang lemah dan berkurangan dibantu
- H5d supaya mereka mempunyai peluang yang sama untuk bersaing dan bebas daripada penindasan.

b. Jelaskan kepentingan setiap prinsip Rukun Negara dalam usaha untuk mencapai perpaduan negara. 6 markah

F1 Kepercayaan kepada Tuhan

H1a Agama menjadi panduan hidup untuk membentuk keperibadian yang baik

H1b Agama dan kepercayaan lain boleh diamalkan dengan aman dan tenteram.

F2 Kesetiaan kepada Raja dan Negara

H2a Negara kita mengamalkan sistem pemerintahan Raja Berperlembagaan.

H2b Raja merupakan simbol penyatuan dan perpaduan rakyat berbilang kaum.

F3 Keluhuran Perlembagaan

H3a Membawa maksud ketertinggian dan juga keagungan perlembagaan atau undang-undang.

H3b Perlembagaan berfungsi memberikan perlindungan dan hak kepada setiap anggota masyarakat

H3c Prinsip ini menekankan supaya rakyat menerima, mematuhi dan mempertahankan kemuliaan perlembagaan.

F4 Kedaulatan Undang-undang

H4a Menuntut setiap rakyat menghormati undang-undang, tidak melakukan kesalahan

H4b Rakyat bertanggungjawab mempertahankan dan memelihara kedaulatan undang-undang.

F5 Kesopanan dan Kesusilaan

H5a Memastikan setiap rakyat sentiasa bersopan santun, hormat-menghormati dan berakhlak mulia.

H5b Kesopanan dan kesusilaan dapat menjamin hubungan baik sesama kaum agar terus kekal terpelihara.

c. Sebagai warganegara Malaysia yang patriotik, bagaimanakah anda mengamalkan prinsip-prinsip Rukun Negara. 8 markah

F1 Mempunyai pegangan agama

F2 Setia kepada raja

F3 Menyemarakkan semangat cinta kepada negara

F4 Mengutamakan perpaduan rakyat

F5 Memastikan negara aman dan damai

F6 Membentuk masyarakat yang saling menghormati

F7 Rakyat bersatu mempertahankan negara

F8 Mempamerkan ketinggian nilai hidup rakyat negara kita

F9 Bangga dengan negara sendiri

F10 Mengamalkan nilai-nilai murni

F11 Saling menghormati

Mana-mana jawapan yang munasabah

SEJARAH TINGKATAN 5



BAB 8 : MEMBINA KEMAKMURAN NEGARA

**GEMPUR SPM
TAJUK-TAJUK PENTING
TINGKATAN 5**



**CIKGU:
ROSLE BIN YASIN**

BAB 8 : Membina Kemakmuran Negara

1. Pembentukan Dasar Ekonomi Baru (DEB) ✓
2. Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) ✓
3. Pembentukan Dasar Pembangunan Nasional (DPN)
4. Pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional (DPN)
5. Pencapaian Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar
Pembangunan Nasional (DPN)

1. Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilaksanakan di bawah Rancangan Pembangunan Lima sebagai rancangan pembangunan ekonomi dan perpaduan negara.

a. Senaraikan rancangan pembangunan DEB yang dijalankan di bawah DEB.

- | | |
|-----------|-----------------------------------|
| F1 | Rancangan Malaysia Kedua |
| F2 | Rancangan Malaysia Ketiga |
| F3 | Rancangan Malaysia Keempat |
| F4 | Rancangan Malaysia Kelima |

3 markah

b. Nyatakan strategi yang digunakan untuk mencapai matlamat DEB

F1	Membasmi kemiskinan
H1a	Menambahkan pendapatan dan memperbanyak peluang pekerjaan kepada rakyat tanpa mengira kaum.
F2	Menyusun semula masyarakat
H2a	Mengurangkan dan menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi.

Strategi yang digunakan untuk mencapai matlamat DEB ialah dengan usaha membasmi kemiskinan. Antara tindakan yang yang diambil untuk membasmi kemiskinan ialah menambahkan pendapatan dan memperbanyak peluang pekerjaan kepada rakyat tanpa mengira kaum.

Selain itu, strategi yang digunakan ialah menyusun semula masyarakat. Langkah ini diambil bertujuan mengurangkan dan menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi.

c. Tunjukkan bukti pelaksanaan DEB memberi manfaat kepada semua kaum di negara kita.

F1 Kadar kemiskinan menurun

F2 Berjaya merapatkan jurang antara kaum

F3 Berjaya merapatkan jurang pembangunan antara wilayah

F4 Hak milik modal saham kaum bumiputera meningkat

F5 Semua kaum terlibat dalam pembangunan ekonomi Negara

F6 Semua kaum menikmati pembangunan dan kemudahan asas yang disediakan oleh kerajaan

Bukti pelaksanaan DEB memberi manfaat kepada semua kaum di negara kita ialah apabila kadar kemiskinan berjaya diturunkan. Kadar kemiskinan bukan sahaja menurun dalam kalangan masyarakat Melayu tetapi juga melibatkan semua kaum di negara kita.

Selain itu, DEB berjaya merapatkan jurang antara kaum bumiputera dengan bumiputra dari pendapatan isi rumah.

Seterusnya, DEB berjaya merapatkan jurang pembangunan antara wilayah sama ada pembangunan antara Pantai Barat dengan Pantai Timur dan antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak.

SEJARAH TINGKATAN 5



BAB 9 : DASAR LUAR MALAYSIA

GEMPUR SPM TAJUK-TAJUK PENTING TINGKATAN 5



**CIKGU:
ROSLE BIN YASIN**

BAB 9 : Dasar Luar Malaysia

1. Latar Belakang Dasar Luar
2. Asas Penggubalan Dasar Luar ✓
3. Malaysia dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ✓
4. Malaysia dalam Komanwel
5. Cabaran Mengukuhkan Dasar Luar
6. Malaysia dalam Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) ✓
7. Malaysia dalam Pergerakan Negara-negara Tanpa Pihak (NAM)
8. Malaysia dalam Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC)

1. Penggubalan dasar luar Malaysia dilaksanakan berpandukan perkembangan ekonomi, sosial dan politik pada peringkat domestik dan antarabangsa

a. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi penggubalan dasar luar negara?
6 markah

b. Jelaskan cabaran yang dihadapi oleh negara kita dalam usaha mengukuhkan dasar luar.
6 markah

c. Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, apakah kepentingan dasar luar Malaysia dalam usaha meningkatkan ketamadunan bangsa dan negara?
8 markah

1.	<p data-bbox="132 0 2522 1428">Penggubalan dasar luar Malaysia dilaksanakan berpandukan perkembangan ekonomi, sosial dan politik pada peringkat domestik dan antarabangsa</p>
a.	<p data-bbox="132 1428 2522 311">Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi penggubalan dasar luar negara?</p> <p data-bbox="132 1428 2522 311" style="text-align: right;">6 markah</p>
F1	<p data-bbox="132 311 2522 382">Ikatan sejarah antara negara ini dengan negara lain.</p>
H1a	<p data-bbox="132 382 2522 511">Ikatan sejarah dan budaya dengan negara serantau dan antarabangsa menyebabkan Malaysia menjalinkan hubungan rapat dengan negara-negara tersebut.</p>
H1b	<p data-bbox="132 511 2522 639">Hubungan Malaysia dengan Arab Saudi, Mesir, Yaman dan Turki pula dipengaruhi oleh ikatan keagamaan yang lama terjalin.</p>
H1c	<p data-bbox="132 639 2522 711">Malaysia menyertai pertubuhan Komanwel selepas mencapai kemerdekaan</p>
F2	<p data-bbox="132 711 2522 782">Keperluan nasional bermaksud memberikan keutamaan kepada kepentingan negara.</p>
H2a	<p data-bbox="132 782 2522 853">Fokus menjaga kedaulatan dan menguntungkan negara.</p>
H2b	<p data-bbox="132 853 2522 925">Menjaga kebajikan rakyat Malaysia yang berada di luar negara</p>
H2c	<p data-bbox="132 925 2522 1053">Kepentingan ekonomi dan keamanan menyebabkan Malaysia mengamalkan dasar luar yang bebas dan berkecuali.</p>
F3	<p data-bbox="132 1053 2522 1125">Kebijaksanaan dan kebolehan seseorang pemimpin negara.</p>
H3a	<p data-bbox="132 1125 2522 1196">Pemimpin perlu peka perkembangan peringkat antarabangsa dan perubahan yang berlaku</p>
F4	<p data-bbox="132 1196 2522 1268">Persekitaran luar</p>
H4a	<p data-bbox="132 1268 2522 1396">Penggubalan dasar luar negara ditentukan oleh perkembangan yang berlaku pada peringkat antarabangsa.</p>

Faktor yang mempengaruhi penggubalan dasar luar ialah nilai sejarah yang dilalui. Ikatan sejarah dan budaya dengan negara serantau dan antarabangsa seperti Singapura, Indonesia, Brunei, Filipina, Thailand, Burma (Myanmar), China dan India menyebabkan Malaysia menjalin hubungan rapat dengan negara-negara ini. Manakala hubungan dengan Arab Saudi, Mesir, Yaman dan Turki dipengaruhi oleh ikatan keagamaan. Seterusnya menyertai pertubuhan Komanwel selepas mencapai kemerdekaan.

Selain itu, dalam menggubal dasar luar keperluan nasional diberikan keutamaan. Kepentingan negara diberi perhatian utama untuk menjaga kedaulatan mahupun dasar yang menguntungkan negara. Kedudukan strategik menjadi perkiraan utama dalam membentuk dasar luar dengan negara serantau. Hubungan baik dengan negara luar membolehkan Malaysia menjaga kebajikan rakyat Malaysia yang berada di luar negara sekiranya diperlukan. Kepentingan ekonomi dan keamanan menyebabkan Malaysia mengamalkan dasar luar yang bebas dan berkecuali serta menjalin hubungan dengan semua negara tanpa mengira ideologi.

Kebijaksanaan dan kebolehan seseorang pemimpin negara turut menjadi asas penting dalam penggubalan dasar luar Malaysia. Pemimpin perlu peka akan perkembangan pada peringkat antarabangsa serta perubahan yang berlaku bagi menentukan hala tuju dasar luar negara. Menjalinkan hubungan dengan negara sedang membangun perubahan sikap pemimpin yang sebelum ini lebih cenderung kepada negara maju.

Persekitaran luar, menyebabkan penggubalan dasar luar Malaysia disesuaikan dengan perubahan yang berlaku. Penggubalan dasar luar negara ditentukan oleh perkembangan yang berlaku pada peringkat antarabangsa seperti ketika era Perang Dingin. Pada masa itu, dasar luar negara dilihat lebih probarat. Malaysia mengubah dasar daripada probarat kepada tidak berpihak berdasarkan perkembangan yang berlaku pada tahun 1970-an.

b. Jelaskan cabaran yang dihadapi oleh negara kita dalam usaha mengukuhkan dasar luar.

F1 Cabaran politik antarabangsa

H1a Malaysia mengamalkan dasar berkecuali apabila menjalinkan hubungan dengan negara luar tanpa mengira ideologi.

H1b Malaysia menjalinkan hubungan dengan negara China melalui lawatan oleh Tun Abdul Razak Hussein ke negara tersebut pada tahun 1974.

F2 Cabaran politik serantau

H2a Peluasan pengaruh komunis di Indochina menyebabkan ketidakstabilan kepada rantau Asia Tenggara.

H2b Berlaku kebanjiran pendatang asing Vietnam di Asia Tenggara.

H2c Malaysia menggerakkan usaha menyokong Sidang Kemuncak Ketua-Ketua Negara ASEAN di Bali, Indonesia

H3a Bagi membincangkan pergolakan di Indochina serta masa hadapan rantau Asia Tenggara.

H3b Cabaran Keselamatan dan Pertahanan

F4 Perjanjian antara Malaysia dengan Britain (AMDA) ditamatkan pada tahun 1971.

H4a Malaysia menandatangani perjanjian pertahanan baharu.

H4b Perjanjian Five Power Defence Arrangements-FPDA pada 15 April hingga 16 April 1971.

F5 Malaysia bekerjasama dengan negara ASEAN dalam memperkuatkan pertahanan dan keselamatan rantau Asia Tenggara.

H5a Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN diadakan bagi membincangkan kerjasama ini.

H5b Malaysia menandatangani perjanjian sempadan dengan Thailand pada tahun 1965 untuk menangani isu keselamatan

c. Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, apakah kepentingan dasar luar Malaysia dalam usaha meningkatkan ketamadunan bangsa dan negara?

- F1 Mengelakkan pertelingkahan
 - F2 Menjamin keselamatan rakyat dan negara
 - F3 meningkatkan kemajuan negara
 - F4 Mengekalkan kedaulatan negara
 - F5 Membangunkan ekonomi negara
 - F6 Pasaran ekonomi lebih meluas
 - F7 Mengekalkan kestabilan politik
 - F8 Meningkatkan kemajuan sains dan teknologi
 - F9 Menarik kemasukan pelabur-pelabur asing
 - F10 Pertukaran teknologi
 - F11 Membantu mengekalkan keamanan
 - F12 Mengekalkan persefahaman
 - F13 Meneruskan hubungan diplomatik
- Mana-mana jawapan yang munasabah

c. Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, apakah kepentingan dasar luar Malaysia dalam usaha meningkatkan ketamadunan bangsa dan negara? [8 markah]

Kepentingan dasar luar Malaysia ialah mengelakkan pertelingkahan dengan negara luar. Dengan menjalin hubungan baik dengan negara luar akan dapat mengelakan wujudnya pertelingkahan dan seterusnya dapat menjamin keselamatan rakyat dan negara. Contohnya, negara kita menjalin hubungan dengan semua negara di dunia kecuali Israel.

Seterusnya, dasar luar negara adalah bagi meningkatkan kemajuan negara. Malaysia telah menjalankan dasar luar yang sentiasa berubah mengikut keadaan politik dan ekonomi global supaya ekonomi negara berkembang dengan pesat. Contohnya, Malaysia adalah pengeluar utama bijih timah dan getah dunia. Bagi menjamin hasil pengeluaran tersebut mendapat pasaran yang baik, pada awal kemerdekaan Malaysia mengamalkan dasar luar bersifat pro-Barat kerana negara tersebut merupakan pembeli utama bahan mentah Malaysia

Dalam usaha membangunkan ekonomi negara, Malaysia mengubah dasar luar yang bersifat pro-Barat kepada dasar berkecuali dan berbaik-baik dengan semua negara. Hal ini adalah kerana Malaysia tidak boleh terlalu bergantung kepada Britain dan Amerika untuk memajukan ekonomi negara. Malaysia perlu meluaskan lagi pasaran hasil negara selaras dengan prinsip mengamalkan pasaran bebas. Dasar luar yang berasaskan prinsip pasaran bebas ini telah meningkatkan lagi kemajuan ekonomi negara.

Kesimpulanya, dasar luar yang dinamik Berjaya meningkatkan ketamadun bangsa dan negara sehingga menjadikan Malaysia sebuah negara yang pesat membangun dan disegani di rantau ini

2.	Malaysia menjadi anggota PBB sejak negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957.
a.	Nyatakan pelibatan Malaysia dalam Agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) 8 markah
b.	Senaraikan sumbangan Malaysia dalam Misi Pengaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) 6 markah
c.	Pada pandangan anda, adakah PBB mampu berperanan menjamin keamanan dunia? 6 markah

2. Malaysia menjadi anggota PBB sejak negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957.

a. Nyatakan pelibatan Malaysia dalam Agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) 8 markah

- F1 Terlibat dengan United Nations of Educational, Scientific and Cultural Organization - UNESCO (Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan) PBB.
- H1a Pelibatan Malaysia beberapa tapak di Malaysia, diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia.
- C1a Gunung Mulu dan Taman Kinabalu, Bandar Melaka dan Georgetown serta Lembah Lenggong
- F2 Bekerjasama dengan Food and Agriculture Organization FAO (Pertubuhan Makanan Sedunia)
- H2a Dalam bidang pengeluaran makanan
- F3 Terlibat dalam World Health Organization WHO (Pertubuhan Kesihatan Sedunia)
- H3a Dalam bidang kesihatan dan perubatan.
- F4 Kebenaran kepada PBB membuka pejabat United Nations High Commissioner for Refugees UNHCR (Pesuruhjaya Tinggi Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Pelarian) di Kuala Lumpur.
- H4a UNHCR badan bertanggungjawab menjaga dan melindungi pelarian serta golongan yang tidak bernegara.
- F5 Menyertai Majlis Keselamatan, badan penting di PBB.
- H5a Mengekalkan keamanan dan keselamatan antarabangsa.
- H5b Malaysia dipilih empat kali sebagai anggota tidak tetap Kerusi Majlis Keselamatan PBB

a. **Nyatakan pelibatan Malaysia dalam Agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)** **8 markah**

Pelibatan Malaysia dalam Agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ialah terlibat dengan United Nations of Educational, Scientific and Cultural Organization - **UNESCO** (Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan) PBB. Pelibatan aktif Malaysia ini, telah membolehkan beberapa tapak di Malaysia, diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia. Contohnya Gunung Mulu dan Taman Kinabalu (2000), Bandar Melaka dan Georgetown (2008) serta Lembah Lenggong (2012)

Selain itu, pelibatan Malaysia bekerjasama dengan Food and Agriculture Organization **FAO** (Pertubuhan Makanan Sedunia). FAO terlibat dalam bidang pengeluaran makanan.

Malaysia juga terlibat dalam World Health Organization **WHO** (Pertubuhan Kesihatan Sedunia). WHO terlibat dalam bidang kesihatan dan perubatan.

Malaysia juga memberikan kebenaran kepada PBB membuka pejabat United Nations High Commissioner for Refugees **UNHCR** (Pesuruhjaya Tinggi Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Pelarian) di Kuala Lumpur. UNHCR adalah badan yang bertanggungjawab menjaga dan melindungi golongan pelarian serta golongan yang tidak bernegara.

Malaysia turut menyertai **Majlis Keselamatan**, badan penting di PBB. Majlis ini bertanggungjawab mengekalkan keamanan dan keselamatan antarabangsa. Malaysia telah dipilih sebanyak empat kali sebagai anggota tidak tetap Kerusi Majlis Keselamatan PBB, iaitu pada tahun 1965, 1989-1990, 1999-2000 dan 2015-2016.

b. Senaraikan sumbangan Malaysia dalam Misi Pengaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)

6 markah

- F1** Menjayakan **missi pengaman anjuran PBB** di negara yang berkonflik
- F2** Congo United Nations Operation in the Congo (UNOC) dari tahun 1960 hingga tahun 1964.
- F3** Namibia, United Nations Transition Assistance Group (UNTAG) dari tahun 1989 hingga tahun 1990.
- F4** Kemboja, United Nations Transitional Authority in Cambodia (UNTAC) dari tahun 1992 hingga tahun 1993.
- F5** Bosnia dan Herzegovina, United Nations Protection Force (UNPROFOR) dari tahun 1992 hingga tahun 1995.
- F6** Somalia, United Nations Operation in Somalia II (UNOSOM II) dari tahun 1992 hingga tahun 1995.
- F7** Timur Leste, International Force in East Timor (INTERFET) dari tahun 1999 hingga tahun 2002.
- F8** Lubnan, United Nations In Force in Lebanon (UNIFIL) dari tahun 2007 hingga kini
- F8** Ethiopia, United Nations Mission in Ethiopia and Eritrea (UNMEE) dari tahun 2000 hingga tahun 2008.

Malaysia turut **memberikan sumbangan besar** dalam menjayakan misi pengaman anjuran PBB di negara yang berkonflik. Disiplin dan kemampuan pasukan tentera Malaysia dalam menggalas tugas misi pengaman ini sememangnya diakui oleh PBB.

Antara misi pengaman yang disertai oleh Malaysia termasuklah **Congo United Nations Operation in the Congo** (UNOC) dari tahun 1960 hingga tahun 1964. Seterusnya terlibat dengan misi di **Namibia, United Nations Transition Assistance Group** (UNTAG) dari tahun 1989 hingga tahun 1990, **Kemboja, United Nations Transitional Authority in Cambodia** (UNTAC) dari tahun 1992 hingga tahun 1993, **Bosnia dan Herzegovina, United Nations Protection Force** (UNPROFOR) dari tahun 1992 hingga tahun 1995 dan **Somalia, United Nations Operation in Somalia II** (UNOSOM II) dari tahun 1992 hingga tahun 1995.

Misi pengaman yang turut disertai oleh Malaysia ialah **Timur Leste, International Force in East Timor** (INTERFET) dari tahun 1999 hingga tahun 2002, **Lubnan, United Nations In Force in Lebanon** (UNIFIL) dari tahun 2007 hingga kini dan **Ethiopia, United Nations Mission in Ethiopia and Eritrea** (UNMEE) dari tahun 2000 hingga tahun 2008.

Tugas pasukan pengaman ini antaranya termasuklah **memastikan keselamatan** penduduk, **mengawasi gencatan senjata** dalam perang saudara dan mendaulatkan undang-undang negara yang terlibat

c. Pada pandangan anda, adakah PBB mampu berperanan menjamin keamanan dunia?

6 markah

- F1 Mampu**
- F2 Menyelesaikan krisis yang berlaku di Utara Greece.**
- H2a Berkaitan isu Balkan**
- F3 Menyelesaikan krisis pertempuran tentera Indonesia dengan tentera Belanda.**
- H3a Apabila Indonesia mengisytiharkan kemerdekaan**
- F4 Menyelesaikan pertikaian antara Korea Utara dengan Korea Selatan.**
- H4a Pertikaian berlarutan selama beberapa tahun**
- F5 Penyelesaian isu dalam penubuhan negara Israel.**
- H5a Berlaku pertempuran orang Arab dengan orang Yahudi**
- F6 Isu masyarakat Kashmir di India**
- H6a Telah mencetuskan peperangan antara India – Pakistan.**
- F7 Menamatkan konflik antara kerajaan El Salvador dengan pemberontak.**
- Mana-mana jawapan yang munasabah**

c. Pada pandangan anda, adakah PBB mampu berperanan menjamin keamanan dunia?

6 markah

PBB mampu berperanan menjamin keamanan dunia. Selepas beberapa tahun penubuhannya, PBB telah berjaya **menyelesaikan krisis yang berlaku di Utara Greece** disebabkan oleh **isu** kawasan **Balkan**. Kehadiran tentera-tentera dan pegawai Bangsa-bangsa Bersatu telah berjaya mengelak pertelingkahan dari merebak ke kawasan lain.

Selain itu, **PBB** berjaya menyelesaikan **pertempuran** yang berlaku antara **tentera Indonesia dengan tentera Belanda**. Hal ini terjadi apabila Indonesia mengisytiharkan kemerdekaannya menyebabkan berlakunya pertempuran antara tentera Indonesia dengan Belanda.

Kesimpulannya, campur tangan PBB dalam krisis yang berlaku di dunia telah berjaya diselesaikan di meja rundingan serta dapat mengelakkan daripada peperangan yang boleh menyebabkan kemusnahan

c. Pada pandangan anda, adakah PBB mampu berperanan menjamin keamanan dunia?

6 markah

- F1 Tidak mampu**
 - F2 Serangan Rusia terhadap Ukraine**
 - F3 Kegagalan menyelesaikan krisis di Sudan**
 - F4 PBB gagal bertindak ke atas Israel.**
 - F5 Lambat menyelesaikan masalah di Timor Leste.**
 - F6 Gagal menyelesaikan masalah di Syria**
 - F7 Tidak bersungguh-sungguh untuk menyelesaikan masalah masyarakat Rohingya di Myanmar.**
 - F8 Tidak Berjaya menyelesaikan masalah perang saudara di Yaman.**
- Mana-mana jawapan yang munasabah**

SOALAN TAMBAHAN

3. Apakah yang anda faham tentang konsep ZOPFAN ?

4 markah

- F1 Konsep ZOPFAN bermaksud kawasan aman, bebas dan berkecuali.
- F2 Konsep ZOPFAN memastikan Asia Tenggara tidak terlibat dalam sengketa antara kuasa-kuasa besar ketika Perang Dingin.
- F3 Konsep ZOPFAN memastikan kawasan ini tidak mempunyai pangkalan tentera asing.
- F4 Malaysia menjadi konsep ini sebagai kerangka utama dasar luar negara.

4. Jelaskan matlamat penubuhan ASEAN.

6 markah

F1	Mengekalkan kestabilan politik di Asia Tenggara
F2	Membantu negara antara satu sama lain dalam bidang ekonomi, sosial dan kebudayaan
F3	Meningkatkan taraf penduduk Asia Tenggara
F4	Mewujudkan kerjasama dalam bidang pertanian, perdagangan dan perindustrian
F5	Memberi kerjasama dalam bentuk latihan
F6	Memberi kerjasama dalam bentuk penyelidikan
F7	Membantu dalam bentuk latihan dan penyelidikan (R&D)
F8	Membuat hubungan erat dalam peraturan atau pertubuhan serantau dan antarabangsa

Pada pendapat anda, apakah manfaat yang diperolehi oleh Malaysia melalui penyertaan pertubuhan serantau

F1	Meningkatkan ekonomi negara
F2	Jumlah pasaran dagangan meningkat
F3	Kestabilan politik
F4	Keselamatan negara terjamin
F5	Membanteras pengaruh komunis
F6	Menyediakan kemudahan latihan /pertukaran idea dan teknologi
F7	Perkongsian pintar dalam bidang IT, teknik dan kepakaran
F8	Semangat kerjasama dalam bidang kebudayaan dan sosial
F9	Pertukaran pelajar melalui integrasi nasional
F10	Menggalakkan industri pelancongan
F11	Mewujudkan Zon Aman, Bebas dan Berkecuali /ZOPFAN
F12	Tertubuhnya Pertubuhan Menteri-Menteri Pelajaran ASEAN (SEAMEO)
F13	Pembinaan pusat serantau untuk Sains dan Matematik (RECSAM)
F14	Mengadakan tahun melawat ASEAN 1992

SEJARAH TINGKATAN 5



BAB 10 : KECEMERLANGAN MALAYSIA DI PERSADA DUNIA

**GEMPUR SPM
TAJUK-TAJUK PENTING
TINGKATAN 5**



**CIKGU:
ROSLE BIN YASIN**

BAB 10 : Kecemerlangan Malaysia di Persada Dunia

1. Malaysia dalam Isu Global Kontemporari ✓
2. Peranan Malaysia dalam Hubungan Ekonomi Antarabangsa
3. Pelibatan Rakyat dalam Isu Kemanusiaan dan Keamanan
4. Usaha Mengekalkan Kelestarian Global
5. Wawasan Malaysia Menuju Masa Hadapan

1. Antara isu global kontemporari yang dihadapi oleh Malaysia ialah isu Penyalahgunaan Dadah, Pertindihan Sempadan, Kempen Antiminyak Sawit, Pemerdagangan Orang dan penyakit berjangkit.

a. Jelaskan tentang isu penyakit Acquired Immune Deficiency Syndrome-AIDS

6 markah

- F1 Acquired Immune Deficiency Syndrome-AIDS adalah Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit.
- F2 Penyakit ini dikesan di Malaysia pada tahun 1986.
- F3 Sehingga tahun 2014, terdapat lebih 100 000 kes dilaporkan dengan lebih 16 000 kematian.
- F4 Penyakit ini merebak disebabkan gaya hidup yang tidak sihat serta penyalahgunaan dadah.
- F5 Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Kesihatan bertindak proaktif memastikan penyakit ini tidak merebak.
- F6 Melakukan pemeriksaan kesihatan secara berjlerusan dan memberikan rawatan kepada pesakit.
- F7 Tindakan ini menyebabkan Malaysia berjaya mengawal penularan wabak AIDS.
- F8 WHO memperakukan pencapaian Malaysia sebagai negara di Asia yang berjaya mengurangkan masalah penularan wabak daripada ibu kepada anak pada tahun 2018.
- F9 Sejak tahun 2011, Malaysia mendukung hasrat PBB untuk menjadikan dunia bebas AIDS pada tahun 2030
- F10 Malaysia turut menyambut Hari AIDS Sedunia yang diadakan pada 1 Disember setiap tahun.

b. Nyatakan tentang penyakit berjangkit yang menular pada masa kini

6 markah

F1 Penyakit Tuberculosis (TB) atau batuk kering.

H1a Satu penyakit berjangkit tertua yang dipercayai menjadi penyebab kepada kematian manusia

F2 Selesema Burung berpunca daripada virus selesema jenis A (Avian Influenza A) ditemui di Negara China pada Mei 2013

F3 Pesakit yang menghidapi jangkitan ini adalah amat serius dan kritikal.

H3a Wabak jangkitan virus novel Influenza A H1N1.

H3b Virus ini menyebabkan pandemik selesema H1N1 tahun 2009.

F4 Pandemik merebak dengan begitu meluas ke seluruh wilayah, benua atau dunia.

H4a Severe Acute Respiratory Syndrome (SARS)

H4b Penyakit paru-paru yang teruk.

H4c Boleh menyebabkan kesukaran bernafas dan menyebabkan kematian.

F5 SARS disebabkan oleh virus baru dalam kumpulan virus corona

H5a Coronavirus (Covid-19)

H5b Sejenis virus yang boleh menyebabkan jangkitan saluran pernafasan.

H5c Berjangkit daripada individu ke individu melalui titisan pernafasan atau sentuhan

H5d Penemuan varian baharu COVID-19 yang dikenali sebagai delta lebih agresif

Berupaya merebak dalam tempoh lima belas saat melalui udara

c. Pada pendapat anda, apakah kesan ke atas masyarakat dunia jika kita gagal menangani wabak penyakit berjangkit?

8 markah

- F1 Mengakibatkan kehilangan nyawa**
- F2 Merencatkan pertumbuhan ekonomi dengan begitu drastik**
- F3 Ramai pekerja hilang pekerjaan**
- F4 Menyebabkan pengangguran meningkat**
- F5 Mengubah corak kehidupan manusia**
- F6 Kemelesetan ekonomi dunia**
- F7 Perbelanjaan besar untuk menjalankan penyelidikan mencari vaksin**
- F8 Pendapatan kerajaan merosot**
- F9 Industri pelancongan dan perhotelan lumpuh**
- F10 Manusia dalam ketakutan bimbang dijangkiti penyakit**
Mana-mana jawapan yang munasabah

Terima Kasih